


KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 SEPTEMBER 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17

Ekonomi mengukuh



ISMAIL Sabri pada Majlis Makan Malam Bersama Keluarga Malaysia di New York.

Ekonomi mengukuh

Bernama
New York

Pakej rangsangan, pembukaan semula sektor ekonomi kurangkan impak besar Covid-19

Perdagangan dan Perusahaan (Muar) mengatakan pelbagai langkah yang diambil oleh kerajaan dalam melaksanakan pakej rangsangan dan pembukaan semula sektor ekonomi secara beransur-ansur mengurangkan impak besar daripada krisis pandemik Covid-19 dan menyokong pemuliharaan semula pertumbuhan ekonomi.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ekonomi negara terus mengukuh apabila Keluaran Dalam Kasar Negara (KDNK) bagi suku kedua 2022 mencatat pertumbuhan 8.9 peratus, lebih tinggi berbanding 5.0 peratus yang dicatat pada suku pertama 2022.

Menurut beliau, pertumbuhan ekonomi Malaysia pada suku kedua adalah tertinggi di ASEAN dan lebih tinggi berbanding beberapa negara maju dan serantau


Ada pelbagai petunjuk peningkatan ekonomi, antaranya jumlah jualan kenderaan"

Ismail Sabri

dan dijangka mampu mencapai sasaran antara 5.3 peratus hingga 6.3 peratus dengan mengambil kira pencapaian separuh pertama 2022 sebanyak 6.9 peratus.

"Ada pelbagai petunjuk peningkatan ekonomi, antaranya jumlah jualan kenderaan. Misalnya, tempahan kereta Perodua Alza sebanyak 30,000 apabila dilancarkan manakala tempoh menunggu kereta Proton X50 adalah enam bulan," katanya pada majlis makan

malam bersama Keluarga Malaysia pada Sabtu yang dihadiri lebih 300 rakyat Malaysia di sini.

Bagi membantu mengurangkan bebanan rakyat yang terkesan dengan kenaikan harga barang, Ismail Sabri berkata, kerajaan memperuntukkan hampir RM80 bilion sebagai subsidi.

Perdana Menteri yang berada di bandar raya ini bagi menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Ung) ke-77 berkata, sewaktu mengambil alih tumpuk pemerintahan negara tahun lalu, keutamaan beliau adalah ketstabilan politik dan perpaduan antara kaum.

"Ini direalisasikan melalui memorandum persefahaman dengan parti pembangkang...ketstabilan politik pen-

ting untuk menarik pelaburan asing. Bagi meningkatkan perpaduan dalam kalangan pelbagai kaum di Malaysia, saya perkenalkan Konsep Keluarga Malaysia," katanya.

Beliau juga menyifatkan rakyat Malaysia di luar negara termasuk di Amerika Syarikat sebagai 'duta kecil' negara yang turut mempunyai peranan penting untuk terus melakar imej positif Malaysia di seberang laut.

"Sumbangan anda memaparkan imej baik negara sangat penting akan turut membantu memanfaatkan keluarga dan masyarakat di Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin semangat patriotik Keluarga Malaysia di New York ini tetap tinggi walaupun berada jauh di perantauan.